

# SEOULTAN REIWA



AFDAL IZAL MD HASHIM



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



**Seoultan Reiwa**  
***Budak Boy* di Jepun**

Manuskrip oleh:  
Afdal Izal Md Hashim

Tarikh Penting

Mula Draft: 7 Februari 2022

Draft Pertama Siap: 21 Februari 2022 (Proofread Saiful Bosz)

Jangka Draft Kedua Mula Semak: 1 Mac 2022

Jangka Semakan Akhir bersama Penerbit: 8 Mac 2022

Jangka rekabentuk kulit muka dan layout buku draft pertama: 15 Mac 2022

Jangka siap draft dan semakan akhir: 30 Mac 2022

Terbit: 15 April 2022



## HAKCIPTA TERPELIHARA

*Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan ala taja jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada penulis, AFDAL IZAL MD HASHIM atau daripada ahli keluarganya.*

208. 882

AFD

*Untuk Mama, Papa  
Shareel Salwa, puteri kami dan Budak-budak Boy*



Kandungan

<i>Akronim</i> .....	<i>iv</i>
<i>Prolog</i> .....	<i>ix</i>
<i>Bab 1 - Budak Boy</i> .....	<i>1</i>
Penjelajah Dunia .....	1
Papa Shim .....	2
Disiplin dan Dedikasi .....	5
Kod Etos West Point .....	6
Produk Panglima - <i>Hail to the Chiefs</i> .....	7
Cikgu Rabtah .....	9
<i>Bab 2 - Kem Tentera US Army, Leavenworth</i> .....	<i>12</i>
Darah Satria .....	12
Los Angeles .....	15
Kansas .....	16
903 Halderman .....	17
Hari Raya di USA 1985 .....	19
Malayan Peoples Anti-Japanese (MPAJA) .....	20
Salji Pertama di Leavenworth .....	21
Ekonomi Malaysia 1986 .....	22
<i>Bab 3 - Manor Park ke Sittingbourne</i> .....	<i>24</i>
Australia atau England? .....	25
Little Ilford High School .....	26
Sun Tzu .....	29
Woollett Road .....	31
Kerja Strawberry-picking di Kent .....	34
Jalan-jalan Scotland, Jalan-jalan Eropah .....	37

Ostend, Amsterdam, Paris .....	39
Malaysia Hall, London .....	42
Malaysia, bumi bertuah .....	45
<b>Bab 4 - Sungai Besi.....</b>	<b>48</b>
<i>Newboys</i> sedia! .....	52
Kompeni Delta .....	54
SK, <i>Embodiment</i> seorang Budak Boy .....	59
Kem Nasi Mentah.....	61
Pulau Langkawi .....	65
Ragbi MSSKL Bawah 18 Tahun.....	74
Auld Lang Syne .....	78
<b>Bab 5 - Sabah Di Hati Sia.....</b>	<b>82</b>
Kota Kinabalu .....	82
Grace Court.....	83
Universiti Malaysia Sabah.....	85
Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia .....	88
Berkhidmat Memimpin, Sentiasa Memimpin .....	92
Pegawai Kadet Terbaik.....	95
Junjung Kasih Tuanku.....	99
Assalamualaikum Gadis <i>Catwalk</i> .....	100
<b>Bab 6 - PTD Mencari Pejabat Tanah .....</b>	<b>107</b>
KOMTAR Pulau Pinang .....	110
Pak Lah .....	114
Kulim, Kedah .....	116
Merchant Navy .....	118
Lipat Pelan, Pegawai Daerah.....	122
Program Penempatan Silang PCF .....	124

<i>Bab 7 - Dari Bukit Mertajam ke Washington</i> .....	130
<i>Posting Order</i> .....	133
3516 International Court, Washington .....	136
<i>Passport DC</i> .....	137
Surat Texas dan Minuman Bir.....	139
Cedar Mill Court .....	141
Suhayl American Boy .....	144
Cikgu Rabhah dan Arfan .....	149
<i>Bab 8 - Sinar Mentari di Korea</i> .....	153
Daehanminguk .....	155
<i>Seouled out</i> di Seoul.....	157
Banchan .....	159
<i>KDIS Football Club</i> .....	161
DMZ .....	162
<i>Bab 9 - Dasar Pandang ke Mana</i> .....	165
Universiti Antarabangsa Jepun (IUJ).....	166
Sekolah Urusa, Sekolah Yamato .....	169
¥250,000 .....	170
<i>Japanese Wisdom</i> .....	173
Shahana.....	174
<i>Hermit Kingdom</i> .....	178
<i>Malai &amp; Syonan</i> (Malaya dan Singapura).....	181
Mahathir dan <i>Kuruma</i> (Kereta).....	183
<i>Epiloque</i> .....	188
<i>Bertemu di Timur dan Barat</i> .....	188
<i>Galeria</i> .....	192



**Seoultan Reiwa**  
***Budak Boy di Jepun***



**Seultan Reiwa**  
***Budak Boy*** di Jepun



**Akronim**

A.N.U.	-	Universiti Kebangsaan Australia
AA	-	American Airways
ADO	-	Penolong Pegawai Daerah
ALAM	-	Akademi Laut Malaysia
ANZAC	-	Australia New Zealand Army Corps
AO	-	Pegawai Tadbir
AS	-	Penolong Setiausaha
ASEAN	-	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
ATD	-	Akademi Tentera Darat
ATM	-	Angkatan Tentera Malaysia
ATMA	-	Akademi Tentera Malaysia
ATRA	-	ASEAN <i>Tourism Research Association</i>
B&B	-	Bed and Breakfast
BAT	-	Borang Angkatan Tentera
BSM	-	Bahagian Sumber Manusia
BTS	-	Bangtan Boys
CET	-	Pusat Pendidikan dan Latihan
CO	-	Pegawai Memerintah
Coy	-	Kompeni
CTG	-	Cuti Tanpa Gaji
CTK	-	Cawangan Tenaga Kerja
D.C.	-	Daerah Columbia
DAV	-	Akademi Diplomatik Vietnam
DMZ	-	Zon Bebas Tentera (Demilitarized Zone)
DO	-	Pegawai Daerah
DPA	-	Diploma Pengurusan Awam
DPRK	-	Demokratik Republik Rakyat Korea
DS	-	Directing Staff (Juruarah)
DTC	-	Kursus Latihan Diplomatik
EM	-	Pejabat Pendidikan Malaysia
ERL	-	Penghubung Ekspres Rel
EU	-	Kesatuan Eropah
FMC	-	Maktab Tentera Persekutuan
FPDA	-	Five Defense Power Arrangements
FSI	-	Institut Perkhidmatan Luar Negeri
GLC	-	Syarikat Berkaitan Kerajaan
GRIPS	-	Institut Pascasiswazah Pengajian Dasar Nasional
HLP	-	Hadiah Latihan Persekutuan
IDFR	-	Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri
IJN	-	Institut Jantung Negara

IKWAS	-	INTAN Kampus Wilayah Selatan
INTAN	-	Institut Tadbiran Awam Negara
INTIM	-	INTAN Kampus Wilayah Timur
IMA	-	Akademi Ketenteraan India
ISKL	-	Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur
IUJ	-	Universiti Antarabangsa Jepun
JAKPAW	-	Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah
JDT	-	Johor Darul Ta'zim
JHS	-	Sekolah Menengah Rendah
JICA	-	<i>Japanese International Cooperation Agency</i>
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JUO	-	Pegawai Rendah Muda
KAIST	-	<i>Korea Advanced Institute for Science and Technology</i>
KBK	-	Kolej Bandar Kinabalu
KBM	-	Kedutaan Besar Malaysia
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KCL	-	King's College London
KDIS	-	<i>Korea Development Institute School of Public Policy and Management</i>
KESBAN	-	Keselamatan dan Pembangunan
KLCCC	-	Pusat Konvensyen Antarabangsa KL
KJT	-	Kolej Jalan Tuaran
KK	-	Kota Kinabalu
KKDN/KDN	-	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
KLIA	-	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
KLD	-	Kapal Layar Diraja
KOMTAR	-	Kompleks Tun Abdul Razak
KPLI	-	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPPA	-	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
KPSU/KPS	-	Ketua Penolong Setiausaha
KUP	-	Khas Untuk Penyandang
KYS	-	Kolej Yayasan Sabah
LATEDA	-	Sekolah Latihan Tentera Darat
LAX	-	Los Angeles
LEP	-	Dasar Pandang ke Timur
LHDN	-	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MA63	-	Malaysia Agreement 1963
MALBATT	-	Batalion Malaysia
MAGERAN	-	Majlis Gerakan Negara
MAS	-	Malaysia Airlines Berhad
MASUM	-	Majlis Sukan Universiti Malaysia
MCI	-	Kansas City
MCKK	-	Kolej Melayu Kuala Kangsar

**Seoultan Reiwa  
Budak Boy di Jepun**

MFA	-	Kementerian Luar Negeri
MINDEF	-	Kementerian Pertahanan Malaysia
MIROS	-	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
MITI	-	Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa
MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
MLB	-	Liga Bola Lisut Utama
MLS	-	Liga Bolasepak Utama
MNC	-	Syarikat Pelbagai Nasional
MPAT	-	Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (Haigate)
MPAJA	-	Malayan Peoples Anti-Japanese
MPOC	-	Majlis Kelapa Sawit Malaysia
MPSP	-	Majlis Perbandaran Seberang Perai
MRSM	-	Maktab Rendah Sains MARA
MSD	-	Jabatan Pelajar Malaysia
MSSKL	-	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Kuala Lumpur
MSSM	-	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia
MSU	-	Management and Science University
MTD	-	Maktab Tentera Diraja
MUIS	-	Majlis Agama Islam Sabah
NBA	-	Liga Bolakeranjang Nasional
NC	-	Naib Canselor
NCAA	-	Persatuan Atletik Kolej Nasional
NFL	-	Liga Futbol Nasional
NGO	-	Organisasi Bukan Kerajaan
NS	-	Khidmat Negara
NSC	-	Majlis Keselamatan Nasional
OBS	-	Sekolah <i>Outward Bound</i>
OC	-	Pegawai Pemerintah
OIC	-	Persidangan Pertubuhan Negara Islam
OSC	-	Pusat Sehentian Setempat
OSCA	-	Old Sabah College Association
OP	-	Old Putera
OPA	-	Persatuan Bekas Putera
PALAPES	-	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
PAC	-	PTD Assessment Center
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PCF	-	Program Penempatan Silang
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PERWAKILAN	-	Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri
PhD	-	Doktor Falsafah
PIBG	-	Persatuan Ibubapa dan Guru-guru
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah

POP	-	<i>Passing out Parade</i>
POSCO	-	Kompeni Besi Pohang
PSM	-	Pengurusan Sumber Manusia
PSUK	-	Pentadbiran Setiausaha Kerajaan
PTA	-	Pegawai Tadbir Am
PTD	-	Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik
PTPL	-	Pusat Teknologi Pengurusan Lanjutan
PUSASDA	-	Pusat Latihan Asas Tentera Darat
PUSPAKOM	-	Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer
QA	-	Analisis Kuantitatif
QA	-	Penetapan Kualiti
RAMD	-	Rejimen Askar Melayu Diraja
RAD	-	Rejimen Artileri Diraja
RIT	-	Institut Teknologi Rochester
RMAS	-	Akademi Tentera Diraja Sandhurst
RMC	-	Royal Military College
ROK	-	Republik Korea
ROK-Army	-	Tentera Darat Republik Korea
ROD	-	Tarikh Tamat Perkhidmatan
SANZAC	-	Sabah Australia New Zealand Army Corps
SAS	-	Perkhidmatan Udara Khas
SAS	-	Sekolah Alam Shah
SPB YDP	-	Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SDAR	-	Sekolah Datuk Abdul Razak
SKPMI	-	Sub-Kluster Pembangunan Modal Insan
SMEO	-	Syarikat Malaysia Explosives Ordnance
SMLK	-	Sekolah Menengah Lembah Keramat
SMSS	-	Sekolah Menengah Sains Selangor
SO	-	Penolong Pegawai Tanah
SP	-	Putera Kanan
SPA	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPS	-	Seberang Perai Selatan
SPT	-	Seberang Perai Tengah
SPU	-	Seberang Perai Utara
SRKTM	-	Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Melawati
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
SSB	-	Sistem Saraan Baharu
SSM	-	Sistem Saraan Malaysia
SSS	-	Sekolah Sains Sosial
SST	-	Sekolah Sains dan Teknologi

STAR	-	Sekolah Tuanku Abdul Ramhan
STPD	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Port Diskson
SUB	-	Setiausaha Bahagian
SUKMA	-	Sukan Malaysia
SUKUMS	-	Sukan-sukan Universiti Malaysia
SUO	-	Pegawai Rendah Kanan
SWT	-	Subhanallahu wa taala
TDM	-	Tentera Darat Malaysia
TKM	-	Timbalan Ketua Menteri
TKSU	-	Timbalan Ketua Setiausaha
TMJ	-	Tunku Mahkota Johor
TPN	-	<i>Third person note</i>
TUDM	-	Tentera Udara Diraja Malaysia
TYT	-	Tuan Yang Terutama
UA	-	United Airlines
UA	-	Universiti Awam
UAE	-	Emiriyah Arab Bersatu
UDPA	-	Unit Diploma Pengurusan Awam
ULAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UK	-	United Kingdom
UM	-	Universiti Malaya
UMNO	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UMP	-	Universiti Malaysia Pahang
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
UMT	-	Universiti Malaysia Terengganu
UniMAP	-	Universiti Malaysia Perlis
UPEN	-	Unit Pengurusan Ekonomi Negeri
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UPNM	-	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
US	-	United States
USIA	-	Pertubuhan Islam Seluruh Sabah
USIM	-	Universiti Sains Islam Malaysia
USCGSC	-	US Command and General and Staff College
USMA	-	United States Military Academy
USSR	-	Kesatuan Republik Sosialis Soviet
UTeM	-	Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
VCDR	-	<i>Vienna Convention of Diplomatic Relations</i>
YAB	-	Yang Amat Berhormat
YB	-	Yang Berhormat
YDP	-	Yang DiPertua

## Prolog

Meniti kehidupan yang penuh dengan cabaran dan rintangan adalah lumrah bagi sesiapa sahaja yang bergelar insan. Tidak banyak beza, malah ia menjadi sebahagian daripada rutin dan *cyclical* atau kitaran hidup manusia. Perbezaannya hanyalah tentang bagaimana ia diharungi oleh individu tersebut dan penerimaan serta adaptasi mereka. Ini mengingatkan saya kepada karya Alexandre Dumas, seorang penulis prolifik pada abad ke-19, *The Count of Monte Cristo*. Semasa Edmond Dantés yang baru memiliki kekayaan dan kemasyhuran setelah bertahun terperuk di penjara angkara dituduh melakukan jenayah yang bukan perbuatannya, Edmond telah memberikan pesanan yang cukup berkesan kepada seorang pemuda, Albert Mondego semasa menyambut usianya yang ke-16 tahun.

*“Wabai anak muda, hidup ini umpama ribut. Anda akan merasai kegemilangan sinar matahari pada suatu ketika, dan kemudiannya tanpa disedari dihempas ke batu dan berkecai. Apa yang menjadikan anda seorang lelaki sejati adalah tindakan anda apabila ribut itu tiba. Anda perlu hadapi ribut itu dan berteriak sepertimana di Rom. Berilah sedahsyat mana kepada saya, saya juga akan balas yang sama. Maka takdir akan tahu siapa anda, sepertimana kami mengenali anda, Albert Mondego, seorang lelaki sejati.”*

*The Count of Monte Cristo<sup>1</sup>*

*“Berilah sedahsyat mana kepada saya, saya juga akan membalas yang sama.”* Mungkin agak klise bagi sesetengah orang, mungkin juga *cheesy* tetapi ia juga membawa maksud yang sama sekiranya anda mengikuti filem “Rocky” arahan Sylvester Stallone yang mengisahkan tentang ahli tinju Rocky Balboa dari Bronx, New York. Francois filem Rocky yang mempunyai enam filem dan kemudiannya spin-off mengisahkan anak kepada rakan beliau, Apollo

---

<sup>1</sup> Lihat Alexandre Dumas “*Life is a storm, my young friend. You will bask in the sunlight one moment, be shattered on the rocks the next. What makes you a man is what you do when that storm comes. You must look into that storm and shout as you did in Rome. Do your worst, for I will do mine! Then the fates will know you as we know you: as Albert Mondego, the man!*” Life’s not about how hard of a hit you can give... it’s about how many you can take, and still keep moving forward.

Creed, dengan tajuk filem yang cukup mudah “*Creed*”. Kesemua filem Stallone mendapat status pecah panggung dan amat menguntungkan produksi beliau. Menjadikan watak beliau ikonik. Dalam filem *Rocky* keenam (2006), beliau telah menegur anaknya yang sering menyalahkan orang lain apabila dia tidak mencapai apa yang dihajati dalam kerjaya atau kehidupannya.

*“Bukan menjadi alasan seberapa banyak dan sekuat mana anda ditumbuk, hal yang sebenarnya adalah seberapa banyak anda boleh menahan asakan dan masih terus ke hadapan. Seberapa banyak anda mampu menerimanya, dan masih lagi mampu maju ke hadapan.*

Rocky 6<sup>2</sup>

Kedua-dua kata hikmah ini menjadi antara pegangan dan motivasi bagi saya apabila ada cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi. Papa pernah menitipkan kata-kata semangat yang persis kepada situasi ini di dalam buku terbitan beliau di bawah *Berita Publishing, New Straits Times* pada tahun 1995 bertajuk “*Malaysian Tigers in Bosnia*”. Buku tersebut ditulis setelah beliau berkhidmat di Bosnia Herzegovina di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations). Papa selaku Komander Batalion Malaysia pertama (MALBATT I). Beliau menulis bahawa karektor anak lelaki keduanya ini seperti kata-kata dalam bahasa yang beliau pelajari di Bosnia, yang dikenali dengan terma sebagai:

*“Nema Problema” (no problem/ tiada masalah).*

Seorang yang tampak seperti tidak ada masalah. Persis spesies haiwan *anas platyrrhynchos* (nama saintifik itik – sedap sikit bunyinya): nampak tenang di atas air tetapi kayuh bagai nak gila di bawah permukaan air. Buku ini adalah untuk mereka yang merasakan hidup yang penuh cabaran ini perlu dihadapi

---

<sup>2</sup> Lihat Rocky 6 “*The world ain't all sunshine and rainbows. It is a very mean and nasty place and it will beat you to your knees and keep you there permanently if you let it. You, me, or nobody is gonna hit as hard as life. But it ain't how hard you hit; it's about how hard you can get hit, and keep moving forward. How much you can take, and keep moving forward. That's how winning is done.*”

dengan tenang dan aman. Adakalanya kita sebagai manusia akan kelam kabut dan tergesa-gesa, malah dalam Al-Quran pun Allah SWT ada berfirman:

*“Manusia telah dijadikan (bertabiat) tergesa-gesa. Kelak akan Aku perlihatkan kepadamu tanda-tanda azab-Ku. Maka janganlah kamu minta kepada-Ku mendatangkannya dengan segera.”*

*Surah Al-Anbiya’ ayat 37*

Manusia diciptakan dengan tabiat tergesa-gesa, seperti hendak mengejar sesuatu, tidak sempat, tidak ada kesenangan dan sering tidak ada masa untuk melaksanakan amanah dan janji. Buku ini bukanlah untuk menuruti apa yang kita telah berjanji, tetapi memilih mana satu janji yang boleh kita tepati dan penuhi. Buku ini juga adalah perjalanan hidup seorang anak lelaki yang dilahirkan dalam keluarga yang sering kali berjauhan daripada sanak saudara terdekat demi tugas ayahnya, namun masih penuh dengan kasih sayang mengikut acuan mereka dan adakalanya penuh kesenangan dan juga kisah duka. Mama sering mengingatkan dan memberikan pesanan bahawa tidak semua orang memiliki kesenangan dan kemewahan hidup. Sifat empati, simpati dan tolong menolong sesama orang lain menjadi didikan yang masih dipegang keluarga kami sehingga ke hari ini. Buku ini ditulis dalam Bahasa Melayu untuk memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda saya sendiri. Ini kerana saya lebih banyak menulis kertas dasar, tesis sarjana dan artikel ilmiah di dalam Bahasa Inggeris. Ia juga diharapkan menjadi batu lontaran *ripple effect* agar lebih ramai serta mudah difahami oleh orang-orang muda di tanah air. Lebih kepada perkongsian pengalaman-pengalaman saya di timur dan barat dunia, saya berharap, buku ini boleh dijadikan pengajaran kepada *generasi-Aku* atau “*Me Generation*” yang sering mengisi masa mereka dengan gajet atau alat peranti, sama ada mereka menjadikannya sebagai alat inspirasi dalam kehidupan mereka untuk menjadi lebih produktif atau sekadar membuang masa. Menulis dan mengekspresi diri adalah salah satu platform dan media untuk diketengahkan. Tidak boleh dinafikan bahawa semuanya tertakluk kepada tatacara generasi kini berupaya menjadi aset kepada generasi pada masa hadapan yang semakin mencabar dan tanpa sempadan.

Tajuk *Seoultaun Reiwa Timur, Barat dan di Jepun* adalah sinonim kepada perjalanan hidup saya yang berpeluang mengikuti Papa dan keluarga ke Amerika Syarikat (USA) pada 1980an, United Kingdom (UK) pada 1990an dan kemudiannya dengan peluang dan tawaran oleh Kerajaan Malaysia semasa diarahkan berkhidmat di Kedutaan Malaysia di Washington D.C., USA pada 2007. Menerima tajaan daripada syarikat *chaebol* gergasi Korea, Kompeni Besi Pohang (POSCO) untuk hidup dan belajar di Seoul pada 2012 dan ke Niigata, Jepun pada 2019. Nama Reiwa adalah nama era Pemerintahan Maharaja Jepun yang baharu pada 2019. Setiap era pemerintahan maharaja memiliki nama era mereka sendiri. Dari nama seperti Taika, Meiji, Showa, Heisei dan terbaharu adalah Reiwa. Setiap era maharaja yang baharu akan memulakan tahun Jepun bermula dari Tahun Satu. Sebagai contoh, tahun Masihi adalah 2019, tahun di mana Maharaja Naruhito menaiki takhta dan era Reiwa adalah Satu (1). Berakhirnya era Reiwa, sekiranya Maharaja turun takhta atau mangkat, tahun Jepun akan kembali ke Tahun Satu semula. Simbolik memulakan kehidupan dan membuka lebaran baharu. Cantuman (*blending*) dan *fusion* kehidupan anak Malaysia ke negara-negara seperti ini di awal perkembangan hidup saya di negara Barat, dan kemudiannya kehidupan dewasa ke negara-negara Asia Timur yang mana negara tersebut secara langsung dan tidak langsung memberikan impak serta pengaruh bagaimana rakyat di Malaysia bertindak dan berfikir.

Umum mengetahui bahawa USA adalah kuasa besar pada zaman ini dan hampir mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Makanan dan diet, cara berpakaian, hiburan, filem di panggung wayang, muzik malahan prestij untuk menyambung pengajian ke USA adalah satu pencapaian yang pastinya menjadi idaman dan kebanggaan keluarga. Manakala UK sebagai bekas penjajah Malaysia sejak zaman Sir Francis Light di Pulau Pinang pada 1771 sehinggakan termeterainya perjanjian British-Belanda pada tahun 1824 menjadikan Malaysia pada hari ini ahli negara Komanwel. Hubungan *bencinta (love-hate relationship)* tidak boleh disangkal. Bukan sahaja orang dewasa, malahan anak-anak muda kebanyakannya akan mengikuti perkembangan bolasepak Inggeris seperti pasukan kegemaran saya, Liverpool di Anfield, Manchester United di Old

Trafford, mahupun pasukan tidak terkenal seperti Transmere Rovers. Tidak boleh tidak, ramai anak Malaysia mungkin tahu walaupun serba sedikit di mana bandar dan pekan pasukan kegemaran mereka berada di UK walaupun tidak pernah menjejakkan kaki ke sana dan ini sedikit sebanyak mempengaruhi pendidikan dan gaya hidup mereka. Tidak dinafikan juga, pemikiran rakyat yang elitis dan kerabat diraja Melayu juga mirip atau hampir dekat kepada gaya dan persona orang British.

Gergasi ekonomi di benua Asia yang dikenali sebagai Harimau Asia-asia, seperti Korea Selatan dan Jepun juga sangat dekat di hati rakyat Malaysia. Berapa ramai dalam kalangan kita yang mengikuti siri K-drama, kumpulan K-pop seperti BTS, siri *Crash Landing on You*, siri Sonata Musim Salju, sehinggakan ada Tentera BTS (*BTS Army*) yang aktif di Malaysia. Jepun pula tidak perlu saya perkenalkan seperti model-model hobi Gundam, siri kartun Doraemon, permainan Pikachu, kenderaan automotif Honda, Toyota, Nissan, jenama sukan Asics, peralatan elektronik Panasonic, Sony dan Hitachi. Malah produk Korea Selatan seperti Samsung, Kia, Hyundai dan LG juga telah lama bertapak di Malaysia dan menjadikan sebahagian kehidupan rakyat sejak beberapa dekad dahulu. Inilah sebahagian daripada kisah saya dari Timur ke Barat serta bagaimana ia boleh mencorak pemikiran anak-anak kita pada masa hadapan.

**Afdal Izal Md Hashim**

Urasa, Niigata, Jepun

Musim Sejuk 2022

**Bab 1 - Budak Boy**

Seperti ramai anak muda yang meningkat remaja, salah satu yang sering tersemat di sanubari seorang kanak-kanak lelaki adalah memasang impian. Impian mungkin hanya dalam bentuk angan-angan (*day-dreaming*) atau secara jelas meletakkan cita-cita apa yang ingin dicapai apabila meningkat dewasa. Kadang kala dengan membaca buku di perpustakaan sekolah atau di pusat sumber, kisah-kisah pengembara, pencipta, adiwira terkenal seperti Edmund Hillary, Lois dan Clark, adik-beradik Wright, Leonardo Da Vinci, Henry Ford, Nikolas Tesla, Thomas Edison, Laksamana Hang Tuah, Ibrahim Munsyi menjadi penanda aras bagaimana seorang budak lelaki boleh meningkat menjadi penyumbang kepada peningkatan kualiti hidup manusia, agar lebih signifikan, baik dan bermakna. Mungkin untuk seorang budak lelaki kelas pertengahan (*middle-class*) yang memiliki masa yang lebih untuk bermimpi dan memasang impian, saya juga tidak terkecuali daripada *day-dreaming* ini.

**Penjelajah Dunia**

Pada asalnya semasa di sekolah rendah di Melawati pada tahun 1988, Cikgu Samad, guru kelas menyuruh kami mengisi ruang dalam borang hijau berkenaan "Cita-cita Saya". Hanya tiga petak sahaja yang perlu diisi. Cita-cita pertama: Juruterbang. Berimpian untuk mengemudi pesawat Airbus atau Boeing sebagai juruterbang komersial membawa penumpang ke seluruh dunia. Segak beruniform hitam putih, bergaya diiringi kru-kru penerbangan yang cantik dan menawan. Sambil jeling melihat jam jenama *Breitling* di lengan kiri. Cita-cita kedua adalah menjadi Pengarah Filem seperti Steven Spielberg, Ron Howard, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, Quentin Torentino, John Wu dan George Lucas yang mengarah filem sains dan kembara seperti *Star Wars*, *Indiana Jones*, *Face-off* dan *The Rock*. Cita-cita terakhir pula adalah sebagai Penjelajah Dunia seperti Ferdinand Magellan, James Cook, Marco Polo, Laksamana Cheng Ho, dan Panglima Awang Hitam. Cita-cita terakhir itu telah menyebabkan saya ditertawakan oleh rakan sekelas dengan alasan bahawa bumi ini tidak ada lagi tempat untuk dijelajah dan semua tempat telah pun dipetakan. Alangkah menariknya, pada

hari ini dunia digital pula menjadi medium penjelajahan baharu bagi generasi hari ini. Teknologi Blockchain, Duitkripto, terkini dengan NFT. Terlalu banyak untuk dirungkai dan diterokai dalam dunia digital yang masih belum dijumpai dan menjadi bidang-bidang baharu pengembaraan.

Sungai Besi adalah sebuah pekan yang telah diterokai dan digali kerana kekayaan bijih besi berdekatan Kuala Lumpur yang telah habis sumber metal dikenali ferum. Pada tahun 1978, Sungai Besi adalah sebuah pekan kecil di pinggir ibu negara Malaysia. Sebuah pekan yang mendapat kesan pembangunan dengan terletaknya kem tentera darat dan kem tentera udara. Kem Perdana Sungai Besi yang mempunyai pangkalan kem Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), elemen-elemen pasukan tempur (*combatants*), bantuan tempur seperti semboyan, jurutera dan juga sajian. Dari pekan Sungai Besi dalam jarak kira-kira 5km pula terletaknya Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Unit Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM). Di sinilah terletaknya lapangan terbang yang pertama dalam sejarah di negara kita sebelum ia dibangunkan menjadi Bandar Malaysia. Manakala yang paling penting di Sungai Besi adalah terletaknya *Sandhurst of the East* (Sandhurst di Timur) membawa etos dan semangat jati Akademi Tentera Diraja (RMAS) di England. Maktab Tentera Diraja (RMC) telah ditubuhkan pada asalnya di Port Dickson, Negeri Sembilan pada tahun 1952 dan telah berpindah ke Sungai Besi pada 1961. Pada ketika itu, komunis masih bermaharajalela di hutan meskipun keseluruhan negeri di Malaysia telah diisytiharkan putih daripada ancaman komunis pada tahun 1960, iaitu hanya tiga tahun setelah Persekutuan Tanah Melayu merdeka daripada British. Suatu bab yang khusus berkenaan RMC akan saya coretkan dalam Bab 4 mengenai kisah saya di institusi tersohor ini.

### Papa Shim

Papa pada 1978, berpangkat Mejar Md Hashim Hussein (RAMD). Dalam kalangan anak-anak saudara sebelah Mama, Papa dipanggil dengan nama cukup mesra iaitu "*Papa Shim*". Mejar Hashim berkhidmat sebagai Officer-in-Charge (OC - Pegawai Pemerintah) Divisyen Putera, Maktab Tentera Diraja. Mejar Hashim pada ketika itu seorang yang tegas dan garang. Boleh

dilihat apabila sedang marah atau tidak berapa setuju dengan tindakan anggota bawahan beliau, boleh nampak bibir beliau terketap atau gigi geraham digeser. Pada ketika itu, pegawai tentera agak berambut panjang cuma perlu kemas dan segar. Tubuh beliau tegap dan tinggi untuk seorang berbangsa Melayu. Paling menyerlah adalah cara beliau senyum dan boleh nampak lesung pipit yang dalam di sebelah kiri dan kanan pipi beliau. Seinggakan jolokan nama yang diberikan oleh rakan setugas dan sahabat handai beliau adalah pelakon koboi *Jack Palance* yang popular pada era 1960an ke 1970an. Pada zaman itu, adalah normal untuk mendapat nama Anglo seperti Freddy, Jack, Joe, John dan banyak lagi nama-nama timangan Inggeris. Disebabkan ada ramai yang bernama Hashim dalam tentera, pegawai dan anggota akan dipanggil dengan nama timangan seperti Jack Palance Hashim atau Jack Hashim, Freddy Hashim dan lain-lain untuk membezakan Hashim-hashim di dalam Tentera Darat Malaysia. Ini termasuklah juga nama-nama lain yang sama di dalam organisasi tentera. Mejar Hashim merupakan anak kedua daripada sembilan adik beradik. Satu bilangan ahli keluarga yang dikira sangat besar pada hari ini. Ayah beliau, Encik Hussein adalah seorang kerani atau lebih dikenali sebagai jawatan Pembantu Tadbir manakala ibu beliau, Puan Khadijah adalah suri rumah yang menjaga dan mendidik anak-anak yang pastinya riuh rendah dengan tawa gurau keluarga besar Encik Hussien. Dengan pendapatan beliau sebagai kerani pada ketika itu, Encik Hussein masih mampu membeli rumah di Wadihana, Johor Bahru serta membesarkan dan membela sembilan ahli keluarga di Johor pada 1940an.

Di RMC, rumah kuarters pegawai tentera terletak di bawah lereng bukit menuju ke Divisyen Putera dan perjalanan sebelum tiba ke lokasi ini, pengunjung akan tiba di Divisyen Kadet dahulu. Di situlah lahirnya ramai pahlawan dan wira negara, juga bakal Panglima dan Komander tentera yang disegani. Mama pula adalah salah seorang guru di bandaraya Kuala Lumpur dan pada 1978 telah pun menimang dua cahaya mata, anak sulung, kakak saya Raudhah dan anak lelaki, Muhammad Riadz. Beza umur di antara kedua-dua adik-beradik ini dengan saya adalah lapan dan lima tahun, mengikut turutan. Boleh dibayangkan dengan kenakalan anak lelaki pada

usia lima tahun dan anak perempuan sulung berusia lapan tahun, Mama tentulah sibuk mengurus rumah di samping tugas-tugas sebagai pendidik.

Pegawai tentera seperti Papa layak untuk seorang “batman” sekiranya berkhidmat di unit rejimen tentera namun disebabkan beliau adalah staf di RMC, kemudahan tersebut tidaklah menjadi keistimewaan semasa menjawat jawatan tersebut. Rumah kuarters yang telah dibina pada lewat 1950an telah diilhamkan oleh Pesuruhjaya British ke Malaya, Tuan Yang Terutama Fil Marsyal Tun Gerald Templer. Tujuan RMC dipindahkan dari Port Dickson ke Kuala Lumpur adalah supaya bangunan sekolah dan asrama yang lebih moden dapat disediakan kepada anak-anak muda bakal pemimpin negara yang baru mencapai kemerdekaan. Pada waktu itu Papa berusia 30 tahun manakala Mama pula 32 tahun. Putera-putera RMC berusia dalam lingkungan 15 ke 17 tahun dan menurut Papa, cabaran semasa ditugaskan sebagai OC Divisyen Putera adalah antara *highlights* dalam kerjaya panjang beliau dalam angkatan tentera. Malaysia pada waktu itu dalam proses Malaysianisasi, perubahan daripada *British-centric* kepada *Malaysian-centric*. Bahasa pengantar daripada Inggeris ke Melayu, mengubah sistem dan kaedah mengikut acuan negara muda Malaysia itu sendiri. Maka eksperimen ini ada kalanya tersasar daripada tujuan asal. Papa sebagai alumni dari Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Tentera Diraja itu sendiri meletakkan standard yang tinggi untuk Budak-budak Boy ini. Malah, panggilan nama “Budak Boy” juga terbit apabila Pegawai Tak Tauliah (NCO) British yang melatih budak-budak Malaya memanggil Budak dan juga Boy. Mereka menjangkakan bahawa dua perkataan tersebut tidak ada kaitan atau sebenarnya membawa makna yang sama. Menurut pengamatan Papa pada lewat 1970an, seperti mana *English grammar schools* yang meletakkan disiplin tinggi serta pakaian yang kemas, tata kelakuan seperti *a British gentleman* atau budiman yang penuh adab dan bersopan telah lenyap sedikit demi sedikit dan hilang berbanding semasa zaman beliau menjadi Budak Boy pada sekitar tahun 1963-1964. Jarak masanya hanyalah 14 tahun daripada zaman beliau tamat pengajian di institusi yang sama.

"O God, Please help me to win  
For I always want to win  
But if in thy inscrutable wisdom  
Thou wilt me not to win  
Then make me a good loser  
For when the one great scorer  
Comes to write against Your name  
He writes not that you won or lost  
But how you played the game"

~ RMC Sportsman's Prayer



Masjid Annur, Niigata, Jepun, 2021